

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui keadaan kebebasan akhbar di Indonesia pada masa pemerintahan Suharto atau zaman Orde Baru (1966-1998) dan masa pemerintahan B. J. Habibie atau Era Reformasi (Mei 1998-Okttober 1999). Bab Pertama menjelaskan kaedah, objektif dan kepentingan kajian. Sementara Bab Kedua membincangkan teori-teori tentang kebebasan akhbar dan yang bersesuaian dengan zaman Orde Baru dan Era Reformasi. Selanjutnya, Bab Ketiga membuat ulasan bacaan tentang kebebasan akhbar di beberapa negara membangun, seperti Malaysia, Thailand, Singapura dan India. Sementara Bab Keempat memfokuskan kepada kajian lapangan dengan menemuramah beberapa tokoh dari berbagai kalangan dan membuat analisis kandungan akhbar-akhbar tertentu. Kajian ini diakhiri dengan Bab Kelima, iaitu kesimpulan dan saranansaranan. Hasil kajian dapat disimpulkan bahawa liputan berita akhbar pada zaman Orde Baru sangat ketat dikawal oleh pemerintah, sementara pada Era Reformasi akhbar sudah begitu bebas dan tidak dikawal lagi oleh pemerintah.

ABSTRACT

This research endeavors to investigate press freedom in Indonesia under Suharto, that is the New Order (1966-1998) and under B. J. Habibie or the Reformation Era (May 1998-October 1999). Chapter One highlights the method, objective and purpose of the research. Chapter Two discusses the theories of press freedom during the New Order and the Reformation Era. Chapter Three emphasizes the literature review about press freedom in selected developing countries, such as in Malaysia, Thailand, Singapore and India. Chapter Four provides the findings from field research, namely interviews with several important personalities from various backgrounds. A content analysis of selected newspapers and magazines is also included. The Final Chapter is the conclusion. Findings from this research revealed that press during the New Order were tightly controlled by Government whereas during the Reformation Era, the press had more freedom and was subjected to less control from the Government.